



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسش ايمان

"DAN Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imraan, ayat 97

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.49

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 93

3 OGOS 2022 / 1444 محرم 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Bacaan Yaa Siin, Tahlil sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku Ketua Rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Ogos. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir selaku Ketua Rombongan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1443 Hijrah / 2022 Masihi, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara sampingan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, di mana acara kemuncak sambutan akan diadakan pada 9 Ogos 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Juga hadir, Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian-kementerian; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022; Persatuan dan Pergerakan Belia; Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah-sekolah; serta Pegawai-pegawai Kerajaan.